

VOICE OF AUDIENCE ARCHIVES

List of suggestions below are from public who have submitted through the Feedback Form in The Official Website of Perak Mufti Department. Each suggestion that has been taken will be display in this column. Thank you for your support.

Feedback As At October 2016			
No.	Sender	Feedback	Answer
1.	Nurazah bt Mohamad Nor 11/10/2016	<p>Assalamualaikum..</p> <p>Saya berharap sangat pihak Jab Mufti Negeri Perak dapat memberi jawapan kepada keraguan saya..</p> <p>Adakah memang benar apa yang saya baca di Internet bahawa kumpulan Aurad Ismailiah memang telah diharamkan..</p> <p>Saya mengharap penjelasan tentang kumpulan tersebut kerana saya dapati kumpulan tersebut masih active lagi di Batu 5 Sik Kedah, di Hulu Langat dan sekarang terdapat sekumpulan kecil di kawasan Gerik, Perak..</p> <p>Harap pihak Jab Mufti Negeri Perak dapat memberikan penjelasan tentang keraguan saya..</p> <p>Sekian, terima kasih..</p>	<p>Wa'alaikumussalamw.b.t..</p> <p>Terima kasih atas pertanyaan puan. Untuk makluman puan, setakat ini pihak kami masih belum menerima aduan rasmi berkaitan dengan gerakan atau aktiviti kumpulan Aurad Ismailiah ini di Negeri Perak, oleh itu ianya tidak dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.</p> <p>Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Majlis Fatwa Kebangsaan) juga tidak membincangkannya setakat ini. Tetapi di Selangor, Mufti Negeri Selangor selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak, telah membuat fatwa bahawa ajaran Aurad Ismailiah didapati menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar dan umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.</p> <p>Sekiranya puan mendapati terdapat ajaran kumpulan ini di dalam Negeri Perak, dipohon puan membuat aduan rasmi ke Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Perak untuk tindakan siasatan selanjutnya.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>
2.	Mazni 26/10/2016	<p>Assalamualaikum.. Saya sebagai orang awam merasa sukar untuk dapatkan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti. Saya ingin dapatkan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan dan fatwa-fatwa yang diwartakan.</p>	<p>Wa'alaikumussalam w.b.t..</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan Borang Maklumbalas & Cadangan di laman web jabatan kami.</p>

		Terima kasih.	<p>Untuk makluman puan, keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang tidak diwartakan adalah bersifat sulit dan tidak boleh dihebahkan kepada orang ramai. Sekiranya ada keperluan untuk puan merujuk fatwa-fatwa tertentu, puan bolehlah menggunakan Borang Permohonan Maklumat yang disediakan di laman web kami di pautan berikut: http://mufti.perak.gov.my/borang-permohonan-maklumat , atau menghubungi jabatan kami di talian 05-2545332 sambungan ke Bahagian Fatwa.</p> <p>Manakala fatwa-fatwa yang telah diwartakan boleh didapati di laman web kami di pautan berikut: http://mufti.perak.gov.my/index.php/rakyat/koleksi-umum/warta-kerajaan/485-warta-kerajaan . Kami masih dalam proses untuk memuatnaik warta-warta Kerajaan yang terkini ke laman web. Segala kesulitan amatlah dikesali.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>
--	--	---------------	---